



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِيسْلَامْ نِغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِحْطَبَةُ الْجُمُعَاتِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

28 SYAWAL 1447H/ 17 APRIL 2026M

“MENCINTAI ALAM”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri serta kepada jamaah sekalian, marilah bersama-sama kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan dibaca. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Mencintai Alam”** sebagai peringatan kepada kita semua tentang tanggungjawab besar sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang amat berharga. Udara yang kita hirup, air yang kita minum, serta bumi tempat kita berpijak semuanya adalah nikmat yang wajib kita syukuri. Namun pada hari ini, kita menyaksikan pelbagai kerosakan alam berlaku akibat perbuatan manusia sendiri sepertimana yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah sebentar tadi, firman Allah SWT melalui surah ar-Rum, ayat 41 yang **bermaksud**: *“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

Ayat ini menjadi peringatan bahawa kerosakan alam bukan berlaku secara kebetulan, tetapi berpunca daripada sikap manusia yang lalai dan tidak bertanggungjawab.

SIDANG JAMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Allah SWT telah melantik manusia sebagai khalifah yakni pemimpin di muka bumi. Amanah ini bukan sahaja untuk memanfaatkan alam, tetapi juga untuk memelihara dan menjaganya dengan sebaik-baiknya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً... ﴿٣٠﴾

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...”*

Menurut pandangan Imam al-Ghazali *rahimahullah*, menjaga keseimbangan alam adalah sebahagian daripada tanggungjawab moral

dan spiritual manusia. Kerosakan ekosistem alam mencerminkan kerosakan akhlak manusia itu sendiri.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Islam sangat menggalakkan umatnya untuk memelihara alam sekitar. Sepertimana dalam hadis Nabi Muhammad SAW, daripada Anas bin Malik *Radiallahu 'anhu*. Baginda SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا، فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ،
إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ.

Maksudnya: *“Tidaklah seorang Muslim yang menanam pokok atau menghidupkan tanah dengan tanaman, lalu burung, manusia atau binatang makan daripada hasil tanamannya, melainkan ia dikira sebagai sedekah baginya.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa setiap usaha menjaga alam, walaupun kecil, mempunyai nilai yang besar di sisi Allah SWT bahkan setiap kebaikan yang memberi manfaat kepada makhluk lain akan menjadi sedekah dan pahala berterusan di sisi Allah SWT.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kegagalan manusia mencintai alam akan membawa kesan yang buruk dan menyebabkan berlakunya bencana seperti banjir, tanah runtuh, pencemaran udara, darat dan air. Semua ini bukan sahaja menjejaskan alam, tetapi turut memberi kesan kepada kehidupan manusia. Pencemaran darat dan air merupakan masalah alam sekitar yang serius pada masa kini. Pembuangan sampah secara haram di tanah lapang, sungai dan laut menyebabkan tanah tercemar, air kotor, serta

menjejaskan hidupan akuatik dan tumbuhan. Selain itu, pencemaran ini memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia, seperti penyakit kulit, masalah pernafasan dan penyakit bawaan air. Air yang tercemar boleh menjadi punca penyakit. Manakala kerosakan terhadap hidupan laut mengganggu sumber rezeki para nelayan serta menjejaskan bekalan makanan yang penting kepada masyarakat.

Justeru, marilah kita mengambil langkah proaktif untuk memelihara alam sekitar. Antaranya termasuk menyertai aktiviti pemuliharaan, seperti program gotong-royong membersihkan pantai, sungai dan taman awam, serta mengurangkan penggunaan plastik, terutamanya plastik sekali guna, supaya alam sekitar tidak terbeban. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) merupakan jabatan di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah yang bertanggungjawab mengurus, melindungi dan memelihara alam sekitar di negeri Sabah melalui undang-undang dan dasar berkaitan. JPAS menggalakkan kesedaran serta pendidikan kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar, yang selari dengan dorongan kepada masyarakat memelihara alam sekitar khususnya di negeri Sabah. Marilah kita bekerjasama dengan JPAS untuk memainkan peranan dalam memelihara alam sekitar agar usaha ini dapat membantu mengawal pencemaran dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti menjaga kebersihan, mengelakkan pembaziran, mengamalkan kitar semula, serta menanam pokok untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem sebagai usaha memelihara alam sekitar sekali gus menjadi insan yang bertanggungjawab dalam menjaga alam sebagai amanah daripada Allah SWT. Dengan usaha ini, kita bukan sahaja dapat menjaga kelestarian alam, malah turut memastikan kesejahteraan generasi akan datang dan memperoleh keberkatan daripada Allah SWT dalam kehidupan kita.

SIDANG JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dan menjauhi segala bentuk kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya menjaga alam sekitar adalah sebahagian daripada ibadah yang akan diberi ganjaran oleh Allah SWT. Ingatlah bahawa setiap perbuatan kita terhadap alam akan dipersoalkan di akhirat kelak. Jadilah hamba Allah SWT yang amanah dalam memelihara bumi ini. Marilah kita mendidik diri, keluarga dan masyarakat agar mencintai alam sekitar serta mengamalkan gaya hidup yang lestari. Mimbar berpesan kepada hadirin yang mulia, fenomena kemarau yang berlaku di beberapa kawasan khususnya di negeri Sabah menunjukkan kesan daripada perubahan alam dan merupakan ujian daripada Allah SWT. Kemarau juga akan menyebabkan kekurangan bekalan air dan menjejaskan kehidupan harian. Keadaan ini berlaku akibat kurangnya hujan serta perubahan cuaca yang tidak menentu. Dalam situasi ini, manusia perlu kembali kepada Allah SWT dengan memohon pertolongan-Nya.

Sehubungan dengan itu, Islam mensyariatkan solat Istisqa' sebagai usaha memohon hujan daripada Allah SWT. Solat Istisqa' adalah solat sunat untuk memohon hujan ketika berlakunya kemarau. Solat ini menunjukkan kebergantungan manusia kepada Allah serta keinsafan atas dosa yang mungkin menjadi punca turunnya musibah. Selain solat, umat Islam juga digalakkan bertaubat dan beristighfar kepada Allah SWT kerana kesemua yang berlaku adalah berpunca daripada tangan-tangan kita yang hilang rasa tanggungjawab dalam diri untuk menyelamatkan alam sekitar dari sebarang kerosakan. Bagi mengakhiri khutbah hari yang mulia ini, mencintai alam adalah tanggungjawab setiap individu dan merupakan tuntutan dalam Islam. Mari kita renungkan firman Allah SWT dalam surah az-Zumar, ayat 21:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ وَ يَنْبِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ يُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ حُطَامًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “*Tidakkah engkau memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkan-Nya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian Ia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatmu berupa kuning; kemudian Ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjauhi segala bentuk penipuan dan kezaliman. Salah satu isu yang semakin membimbangkan dalam masyarakat hari ini ialah perbuatan mengusik atau memanipulasi pemasangan meter elektrik bagi mengurangkan bayaran penggunaan. Perbuatan ini bukan sahaja merupakan kesalahan di sisi undang-undang, tetapi juga dosa di sisi agama, kerana ia melibatkan unsur penipuan dan mengambil hak orang lain secara tidak sah. Dalam Islam, setiap harta yang diperoleh melalui cara yang haram tidak akan diberkati oleh Allah SWT. Kerosakan seperti ini berlaku akibat tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab dan lalai dalam setiap perbuatan mereka.

Kita perlu sedar bahawa tindakan ini bukan sahaja merugikan pihak pembekal dari Sabah Electricity Sdn. Bhd., malah memberi kesan kepada masyarakat keseluruhannya, termasuk kemungkinan kenaikan tarif dan gangguan bekalan elektrik. Selain itu, perbuatan mengubah suai meter elektrik juga boleh menimbulkan bahaya keselamatan, seperti kebakaran dan renjatan elektrik yang boleh mengancam nyawa. Oleh itu, marilah kita menjadi pengguna yang amanah dengan membayar bil elektrik dengan jujur, tidak melakukan sebarang pengubahsuaian haram dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa. Ingatlah, setiap perbuatan kita akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak. Marilah kita menjaga amanah ini demi kebaikan diri, keluarga, dan masyarakat.

وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.

فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
 وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
 آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
 عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ
 الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
 بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah
 Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung,
 Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu
 ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki
 mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan
 Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat
 yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan
 mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan
 perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun*
 serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
 istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat,
 berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan
 harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya
 kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon
 pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com